



# PERATURAN & SYARAT-SYARAT GOLF TOURISM PORT DICKSON 2024

---

## 1. PENGURUSAN

1. Kejohanan ini dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) dengan kerjasama Kelab Rekreasi dan Sukan MPPD (KRISS).

## 2. ELIGIBILITI DAN UNDANG-UNDANG PERMAINAN

1. Pertandingan ini akan mengikut undang-undang *Rules of Golf* dan '*Local Rules*' Port Dickson Golf & Country Club (PDGCC).

## 3. GELANGGANG PERTANDINGAN

1. Pertandingan akan diadakan di Port Dickson Golf & Country Club (PDGCC) yang memenuhi *standard* piawaian pertandingan.

## 4. PENDAFTARAN PEMAIN

1. Pendaftaran pemain melibatkan dua (2) kategori iaitu terbuka dan jemputan.
2. Pemain di bawah kategori terbuka dikenakan yuran pendaftaran sebanyak **Ringgit Malaysia Empat Ratus Sahaja (RM400.00)** bagi setiap pemain.
3. Pembayaran boleh dibuat melalui akaun Kelab KRISS seperti berikut:

**NAMA : KELAB KRISS MPPD**

**NO AKAUN BANK : 555041305014 MAYBANK ISLAMIC BERHAD**

Sebarang pertanyaan boleh hubungi Encik Mahadir bin Ahmad (012-6505027) / Puan Nur Hafizah binti Mohd Hanapi (011-28573667) / Cik Nurainun binti Misnan (011-12375708)

4. Setiap pemain bagi kategori terbuka perlu mengemukakan maklumat pembayaran beserta maklumat diri kepada urus setia melalui borang penyertaan seperti di pautan berikut <https://tinyurl.com/golfmppd2024> atau melalui kod QR seperti di bawah:



5. Bagi kategori jemputan, pihak urus setia akan berhubung terus dengan pemain untuk mendapatkan maklumat penyertaan.
6. Setiap pertukaran pemain boleh dibuat dengan persetujuan dan kelulusan urus setia pertandingan.
7. Borang penyertaan bagi kedua-dua kategori penyertaan perlu diterima oleh pihak urus setia selewat-lewatnya pada atau sebelum **5 Ogos 2024 (Isnin)**. Penyertaan adalah berdasarkan *first come first serve*.

#### **5. MASA PERMAINAN DAN SISTEM PERTANDINGAN**

1. Pertandingan akan diadakan pada **24 Ogos 2024 (Sabtu)** jam 7.30 pagi.
2. Pendaftaran dan pengambilan *scorecard* semasa pertandingan MESTI dibuat oleh pemain-pemain.
3. Peserta mesti berada di kawasan permulaan 10 minit sebelum masa pertandingan dimulakan.
4. Sebarang kelewatan akan dikenakan penalti 2 pukulan. (*Rule 5.3a*)
5. Pertandingan akan dimulakan secara *shotgun*.

## 6. FORMAT PERTANDINGAN

1. *Mode of Play - Stableford*
2. *Teeing Ground – Tee Marker Biru*

## 7. PENGAWASAN DAN KEPUTUSAN

1. Penganjur menyerahkan kuasa penuh kepada pengadil yang berperanan untuk mengawas dan membuat sebarang Keputusan semasa pertandingan berlangsung.

## 8. ETIKA PEMAIN

1. Semasa pertandingan, peserta dikehendaki memakai pakaian golf yang sesuai. Kemeja – T tanpa kolar, seluar Jean / Track adalah **DILARANG**.
2. Semasa menghadiri upacara penutup, peserta dikehendaki memakai pakaian yang sesuai dan berkasut.
3. Penggunaan *Distance Measuring Devices* (DMD) adalah dibenarkan.
4. Penggunaan kedi dibenarkan.

## 9. HADIAH

1. Hadiah pertandingan akan melibatkan kategori terbuka (Medal A dan Medal B), kategori VIP, kategori selebriti dan johan keseluruhan (gross)
2. Hadiah bagi *novelty* juga akan disediakan melibatkan kategori LD, NTP dan NTL.
3. Penganjur juga ada menyediakan hadiah **hole in one** (2 lubang) berupa sebuah **kereta** dan **keahlian kelab golf**.
4. Hadiah cabutan bertuah juga akan diberikan kepada semua pemain yang bertuah pada hari pertandingan.

## 10. PERKARA LUAR JANGKA

1. Jika berlaku bencana alam atau masalah cuaca di mana pertandingan tidak dapat dilangsungkan, kaedah penentuan markah dan pertandingan akan tertakluk kepada penganjur.

## **11. PENENTUAN KEPUTUSAN**

1. Pemain yang mendapat skor *stableford* tertinggi akan dikira sebagai pemenang mengikut kategori yang ditetapkan.
2. Jika terdapat keputusan seri, penentuan pemenang akan dibuat melalui sistem *On Count Back* (OCB) iaitu:
  1. Skor 3 lubang terakhir
  2. Skor 6 lubang terakhir
  3. Skor 9 lubang terakhir
  4. *Toss coin*
3. Pemain yang membuat "*No Return*" (NR) atau didapati bersalah oleh penganjur kerana melanggar undang-undang, peraturan serta disiplin pertandingan; akan dikira *disqualified* (DQ).

## **12. BANTAHAN**

1. Sekiranya ada bantahan, hanya pemain yang dibenarkan mengambil tindakan. Bantahan hendak dibuat secara bertulis dan disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus Sahaja (RM200.00).
2. Wang pertaruhan tidak akan dikembalikan jika bantahan yang dikemukakan itu didapati tidak berasas dan ditolak.
3. Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada penganjur dalam masa tiga puluh minit (30) selepas pertandingan untuk dibincangkan bersama pihak teknikal pertandingan.
4. Keputusan penganjur hendaklah disampaikan secara rasmi kepada pemain dan ia adalah muktamad.

## **13. PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN**

1. Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini akan diputuskan oleh penganjur dan keputusan adalah muktamad.